



16 Mac 2016

KENYATAAN MEDIA
Untuk Siaran Segera

5,000 BUKU PANDUAN KHAS UNTUK FAHAMI PIAWAIAN PEMERIKSAAN BAS

Shah Alam, 16 Mac 2016 - PUSPAKOM Sdn Bhd (PUSPAKOM) akan mengedarkan 5,000 naskah Buku Panduan Pemeriksaan Bas terbitan khas kepada semua persatuan pengusaha bas dalam usaha untuk memberi pendedahan yang lebih jelas berhubung piawaian pemeriksaan bas sekolah, bas pekerja, bas ekspres dan bas persiaran yang perlu dipatuhi.

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Encik Mohammed Shukor Ismail berkata, pihaknya juga akan mengedarkan buku panduan itu secara percuma kepada semua pemandu dan pengusaha bas di semua cawangan PUSPAKOM yang ada menjalani pemeriksaan terhadap kenderaan bas. Ianya juga boleh didapati di laman web PUSPAKOM http://www.puspakom.com.my/ms/media-a-semasa/brochures/buku_panduan_pemeriksaan_bas.html dengan memuat turun buku tersebut bagi kemudahan pengusaha dan pemandu bas.

“Atas sambutan pengedaran buku panduan teks pada Januari lalu yang sangat menggalakkan, pihak kami meneruskan inisiatif untuk menerbit dan mengedarkan buku panduan bas untuk memberi maklumat dan kesedaran kepada industri bas khususnya kepada pengusaha dan pemandu bas semasa mereka menjalani Pemeriksaan Berkala setiap enam bulan di PUSPAKOM.”

Tambahan beliau, “Kami berharap buku panduan ini dapat membantu mereka untuk lebih memahami serta mematuhi Akta Pengangkutan Jalan 1987 dalam memastikan bas mereka berada pada tahap yang baik dan secara tidak langsung dapat meningkatkan keselamatan penumpang, pemandu dan juga pengguna jalan raya yang lain.”

Isi kandungan buku panduan ini memperincikan semua tahap pemeriksaan termasuk pemeriksaan bahagian atas kenderaan, pemeriksaan bahagian bawah kenderaan, ujian pengeluaran asap, pemeriksaan gelincir sisi, suspensi, meter laju, lampu puncak dan brek.

###

JABATAN KOMUNIKASI & KHIDMAT PELANGGAN
PUSPAKOM Sdn Bhd
03-2052 7465

Mengenai PUSPAKOM

Ditubuhkan pada tahun 1994, PUSPAKOM, anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad, merupakan satu-satunya syarikat pemeriksaan kenderaan yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk melakukan semua pemeriksaan mandatori terhadap kenderaan awam dan perdagangan, serta kenderaan persendirian untuk tujuan pembiayaan sewa beli, pindah milik dan insurans.

Sampel Buku Panduan Pemeriksaan Bagi Kenderaan Bas:



PUSPAKOM




**Buku Panduan Pemeriksaan
Bagi Kenderaan Bas**



PUSPAKOM Sdn Bhd
Level 3, Wisma DRB-HICOM
No 2, Jalan Usahawan U1/8, Seksyen U1
40150 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

☎	1-800-88-6927
✉	dp.customerservice@puspakom.com.my
🌐	www.puspakom.com.my

Abdi Kemajuan
DRB-HICOM

	<ul style="list-style-type: none"> Boleh dibuka dari luar oleh pemandu dengan kunci.  <p style="text-align: center;">Gambarajah 25</p>
<i>Closet</i>	<ul style="list-style-type: none"> Bersih, peralatan lengkap dan boleh digunakan seperti Gambarajah 26. Pintu berfungsi dengan baik.  <p style="text-align: center;">Gambarajah 26</p>
<i>Dashboard</i>	<ul style="list-style-type: none"> Bersih, kemas dan tidak pecah. Kemas, bersih, tanda kelajuan adalah jelas dan berfungsi dengan baik seperti Gambarajah 27.  <p style="text-align: center;">Gambarajah 27</p>
<i>Speedometer / Odometer</i>	
<i>Guard Rail</i>	<ul style="list-style-type: none"> Dipasang dengan kemas (bagi ground clearance $\geq 254\text{mm}$ yang mana jarak antara 2 tayar $> 600\text{mm}$).